

NTP beri kesan bermakna dalam kehidupan harian rakyat biasa

Program Transformasi Nasional (NTP) telah memasuki tujuh tahun sejak dilancarkan pada 2010. Sejak itu, pelbagai kejayaan dicipta dalam membangunkan negara untuk kesejahteraan rakyat. Selain kejayaan Transit Aliran Massa (MRT), kisah Chik Azmily Che Abdul Aziz dari Kelantan yang asalnya buruh berpendapatan RM500 sebulan, tetapi kini usahawan berjaya bersama isterinya dengan pendapatan RM5,000 sebulan adalah antara kejayaan NTP. Ikuti temu bual bersama **Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak** mengenai pencapaian NTP sehingga kini.

S: Datuk Seri, kerajaan memperkenalkan beberapa aspirasi sebelum ini. Apa yang menjadikan Program Transformasi Nasional (NTP) ini berbeza?

J: Pembangunan dan perancangan adalah asas baik untuk pembinaan negara, tetapi pelaksanaannya jauh lebih penting. Untuk membangunkan kemampuan itu dengan kesungguhan, komitmen dan kebertanggungjawaban, kita memerlukan hala tuju yang jelas dan terperinci. Ketika saya mula memegang jawatan pada 2009, saya dapat lihat kita memerlukan lebih daripada wawasan untuk menzahirkan matlamat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju.

Kita perlu mengubah cara kita mencapai kejayaan untuk negara. Itu sebabnya kita membentuk hala tuju yang amat terperinci dengan pendekatan kuantitatif yang mempunyai sasaran tinggi dan petunjuk prestasi yang boleh dipantau secara harian dan mingguan bagi NTP. Bagi memastikan inisiatif NTP terlaksana seperti sewajarnya, kami mengambil keputusan untuk berkongsi segala-galanya dengan rakyat - kerana tiada yang boleh menjadikan pelaksanaan lebih berkesan selain ketelusan dan kebertanggungjawaban.

S: NTP dibentuk atas landasan mentransformasi kerajaan dan ekonomi. Apakah transformasi yang dimaksudkan?

J: Sebelum 2010, tidak banyak kejayaan dicapai dalam menghapuskan perangkap pendapatan sederhana, seperti takrifan Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Kita perlu bertindak. Kita perlukan perubahan yang radikal. Krisis kewangan Asia pada 1997-98 telah memperlahankan enjin ekonomi Malaysia dan melemahkan prospek pertumbuhan ekonomi negara. Pelaburan swasta turut terbantut.

Antara persoalan sukar yang dilontar ketika saya mula menjadi Perdana Menteri ialah "ke mana arah kita sebagai sebuah negara?" dan "apakah pilihan yang ada bagi membolehkan kita berkembang secara mampan, inklusif dan berdaya tahan?"

Transformasi bukan bermakna melakukan perubahan kecil dalam sistem yang ada. Ia merujuk kepada membuat keputusan sukar dan ada kalanya tidak popular supaya tindakan boleh diambil dengan cara berbeza. Bagaimanapun,

untuk memacu transformasi, kita mesti berpegang kepada tindakan. Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020, kita mesti melakukan transformasi dalam cara kerajaan melaksanakan pembangunan sosioekonomi dan menjadikan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

Kita perlu melakukannya secara konsisten dan bertanggungjawab dengan mewujudkan pertumbuhan sosioekonomi dalam persekitaran yang mampan dan inklusif - tanpa menjejaskan kedudukan fiskal stabil kerajaan.

Seperti yang saya katakan tadi, kita berdepan dengan soalan sukar - ke mana haluan kita sebagai sebuah negara? Memiliki wawasan memang elok, tetapi kita mesti tahu bagaimana untuk mencapainya. Kita perlu menilai laluan yang ada untuk diikuti. Kita tengok jalan biasa digunakan, yang mana lebih daripada 90 peratus ekonomi berpendapatan tinggi di dunia mencapai status mereka dengan mewujudkan jurang luas antara golongan kaya dan miskin. Kerajaan mereka turut menanggung hutang tinggi berikutan kedudukan fiskal yang tidak stabil.

Itu adalah keadaan Malaysia sebelum 2009. Hutang kita meningkat pada kadar 10.2 peratus setahun dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Jika kerajaan tidak berhemat dalam berbelanja atau meminjam, kedudukan fiskal kita mungkin menerima nasib sama seperti Greece, Sepanyol dan Portugal menjelang 2019.

Justeru, saya membuat keputusan bersama anggota Kabinet untuk mengubah haluan. Hanya 10 peratus negara berpendapatan tinggi mengambil langkah sama dengan Malaysia pada 2010 - antaranya Switzerland, Sweden dan New Zealand. Mereka mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan kedudukan fiskal yang mampan; kewangan mereka berkedudukan lebihan atau seimbang. Negara ini turut merapatkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Itu adalah asas model transformasi kita.

S: Penjelasan Datuk Seri menggambarkan perjalanan yang penuh berliku. Apakah Kerajaan Malaysia sedia menghadapinya?

J: Seperti yang anda katakan dengan tepat, memang banyak cabaran menunggu kerajaan. Kabinet dan saya memperhalusi laluan

Malaysia sebelum 2009 dan kami setuju jika kita terus menadbir dengan cara itu, Malaysia akan menanggung hutang tinggi susulan tindakan meminjam secara keterlaluan, sekali gus membuat fiskal kerajaan berada dalam keadaan amat genting.

Sejak 2010, kita melakukan tiga perkara bagi kembali meletakkan Malaysia dalam laluan fiskal yang mampan. Pertama, kita menarik balik subsidi minyak. Dari aspek politik, tindakan ini tidak popular tetapi berdasarkan perbincangan dengan pelbagai pakar ekonomi dan kewangan, ia perlu dilakukan. Subsidi minyak mencecah RM25 bilion, merangkumi 13.6 peratus daripada keseluruhan Bajet. Setakat 2015, kita berupaya menjimatkan RM22 bilion daripada subsidi dan memberi subsidi khusus kepada golongan memerlukan.

Kedua, kita turut mengurangkan pergantungan kerajaan terhadap hasil minyak daripada 41 peratus ketika saya mengambil alih pada 2009 kepada hanya 14 peratus hari ini. Pengurangan dramatik ini banyak disebabkan oleh peningkatan sektor perkhidmatan di Malaysia.

Ketiga, satu lagi langkah tegas dan tidak popular yang diambil ialah memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Banyak pihak membantah - termasuk ahli politik yang sepatutnya lebih memahami. Namun demikian, jika kita tidak mengambil keputusan itu, kita akan berada dalam kedudukan amat sukar ketika ini berikutan kejatuhan mendadak harga minyak dunia.

S: Tujuh tahun selepas pelaksanaan NTP, Datuk Seri percaya keputusan sukar itu mula nampakkan hasil?

J: Saya amat yakin dengan itu. Berikutan keputusan sukar itu, kita dapat membentuk daya tahan bagi mencatat pertumbuhan 4.2 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016 walaupun dalam keadaan ekonomi tidak menentu. Kita menjangkakan angkanya meningkat sedikit tahun ini dan terus melonjak pada 2018. Ini menunjukkan Malaysia berkembang pada kadar lebih dua kali ganda berbanding unjuran IMF bagi ekonomi maju dalam tempoh sama.

Antara 2010 dan 2016, NTP mencipta 1.8 juta peluang pekerjaan, yang mana lebih satu juta adalah pekerjaan berpendapatan tinggi. Pendapatan Negara Kasar (GNI)



Kita ingin memastikan tiada rakyat Malaysia yang tercicir, semua kehendak rakyat dipenuhi, dan semua golongan masyarakat tanpa mengira besar atau kecil, berupaya menyumbang dan berkongsi kemakmuran negara"

Najib Razak,
Perdana Menteri



S: Setiap negara mengutamakan inklusiviti dalam dasarnya. Apa yang berbeza dengan Malaysia?

J: Mencapai status negara berpendapatan tinggi hanyalah satu daripada matlamat NTP. NTP turut meletakkan sasaran yang memanfaatkan semua rakyat Malaysia. Kita ingin memastikan tiada rakyat Malaysia yang tercicir, semua kehendak rakyat dipenuhi, dan semua golongan masyarakat tanpa mengira besar atau kecil, berupaya menyumbang dan berkongsi kemakmuran negara.

Bagi membantu golongan kurang berkemampuan menangani peningkatan kos kehidupan dan menjaga kegiatan ekonomi dalam pasaran pengguna, kita memperkenalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada 2012. Ini adalah inisiatif khusus yang saya sebutkan di awal tadi. BR1M menyediakan bantuan bagi 7.28 juta isi rumah berpendapatan kurang RM3,000 sebulan pada 2016.

Sebagai tambahan, kita meletakkan sasaran membina 1.1 juta rumah mampu milik dan kos rendah bagi isi rumah berpendapatan sederhana dan rendah, selain perumahan bagi kakitangan awam dan peneroka FELDA generasi baharu. Kita sudah menyiapkan 21 peratus, manakala 22 peratus lagi dalam pembikinan.

Kita mengambil semua langkah ini kerana pada akhirnya, ekonomi berpendapatan tinggi hanya bermakna jika ia memanfaatkan semua rakyat, supaya mereka mempunyai lebih banyak pilihan, kuasa beli yang tinggi, peluang untuk berganjak ke ekonomi lebih baik, taraf hidup lebih baik dan kehidupan lebih bermakna.

S: Boleh Datuk Seri kongsi antara kisah kejayaan NTP?

J: Banyak contoh untuk disenaraikan tetapi satu yang ingin saya sebutkan ialah langkah kita menetapkan penanda aras baharu bagi pengangkutan awam yang tidak pernah dilakukan di Malaysia. Dengan pelancaran Transit Aliran Massa (MRT) pada Disember lalu, lengkapnya Projek Sambungan LRT (LEP), dan transformasi perkhidmatan bas dan teksi yang berterusan, wawasan kita untuk memiliki perkhidmatan pengangkutan awam bertaraf dunia di ibu negara semakin terlaksana.

Laluan LRT seperti LRT3 antara Klang ke Bandar Utama akan menyambungkan pekan setempat, sekali gus mewujudkan akses lebih baik. MRT akan menjadi pilihan hampir sejuta pengguna merentasi

laluan lebih 100 kilometer setiap hari - menjamin perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih pantas, boleh diharap dan mesra alam. Jika boleh saya ulangi, projek ini siap pada masanya dan dalam lingkungan bajet ditetapkan.

Begitu juga dengan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECL) yang bakal mengubah landskap pengangkutan di pantai timur Semenanjung, seperti mana Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Akhirnya, MyHSR, kereta api berkelajuan tinggi antara Kuala Lumpur dan Singapura akan memendekkan masa perjalanan dua destinasi itu kepada 90 minit. Ini tidak pernah berlaku.

S: MRT dan HSR adalah projek infrastruktur besar yang bermatlamat menarik pelaburan dan memanfaatkan warga kota. Bagaimana dengan mereka yang di luar bandar?

J: Keindahan perancangan NTP ialah kemampuannya menghasilkan kesan bermakna dalam kehidupan harian rakyat biasa. Saya beri dua contoh. Lihat saja Zul Izzamin dari Johor. Beliau mewarisi Izzamin Mini Market daripada arwah bapanya pada 2000. Ia adalah kedai runcit yang menjadi tumpuan masyarakat setempat.

Pada 2011, beliau terlihat iklan Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dalam akhbar. Zul mendapati beliau memenuhi kelayakannya, lalu memohon dan mengambil inisiatif melaksanakan nasib yang diberi mentor program TUKAR.

Zul mengambil pinjaman RM25,000 yang ditawarkan mene-



NTP mencipta 1.8 juta peluang pekerjaan, yang mana lebih satu juta adalah pekerjaan berpendapatan tinggi. Pendapatan Negara Kasar (GNI) meningkat hampir 50 peratus. Kita hampir membasmi sepenuhnya kemiskinan dan angkanya kini hanya 0.6 peratus. Kadar inflasi dan pengangguran berada di paras rendah, manakala institusi global seperti Bank Dunia dan IMF mengiktiraf transformasi sosioekonomi yang telah kita lakukan"

rusi program itu dan mengubah suai kedainya. "Sejak itu, pendapatan kedai saya meningkat antara 100 hingga 200 peratus," katanya. Ini adalah contoh membanggakan hasil NTP.

Begitu juga kisah Chik Azmily Che Abdul Aziz. Beliau dan isterinya hanya berpendapatan RM500 sebulan dengan bekerja sebagai buruh di Kelantan. Chik Azmily kemudiam menyertai inisiatif Akhri Zaman Miskin (1AZAM) dan mendapat peralatan pertanian, benih, baja dan racun rumput. Beliau mula menanam sayur-sayuran bermusim pendek seperti timun dan tembikai sebelum menjualnya kepada pemborong. Isterinya diberi mesin jahit untuk memulakan usaha menjahit baju dan beliau mendapat tawaran dengan kilang batik bagi menyediakan kemeja batik.

Dalam tempoh dua tahun, pendapatan mereka berubah daripada RM500 kepada RM5,000 sebulan. Ini hanyalah sedikit daripada kisah kejayaan NTP yang menyentuh kehidupan rakyat kita.

S: Berdasarkan keputusan ini, apakah Datuk Seri yakin Malaysia akan mencapai sasaran menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020?

J: Saya yakin. Malah, pemerhati bebas yang menyaksikan apa yang telah kita lakukan, apa yang terus kita lakukan, turut memuji komitmen kita dalam melaksanakan tanggungjawab. Mereka telah melihat hasil program transformasi kita setakat ini. Semua ini diterbitkan dalam laporan tahunan kita sejak 2010.

Ini sebabnya mengapa agensi penarafan utama seperti Fitch, Standard & Poor's and Moody's memperakui penarafan kredit Malaysia pada 'A' - dan percayalah cakap saya, mereka bukan mudah untuk diyakinkan!

Mari kita beralih kepada IMF, satu daripada institusi paling dihormati di dunia. Penilaian terbaru terhadap Malaysia berbunyi: "Ekonomi Malaysia terus mencatat perkembangan walaupun berdepan cabaran getir dan mencapai kemajuan signifikan dalam laluan mengecap status berpendapatan tinggi."

Mereka memuji pembaharuan yang kita lakukan dan mahu kita meneruskan dasar transformasi yang saya sebutkan tadi. Bulan ini, BAV Consulting dan Wharton School of the University of Pennsylvania mengeluarkan Laporan Negara Terbaik 2017 mereka. Malaysia disebut sebagai 'pendahulu' dari aspek negara terbaik bagi pelaburan.

S: Apakah ini bermakna tugas Datuk Seri sudah selesai?

J: Walaupun kita boleh berbangga dengan pencapaian NTP setakat ini, banyak lagi perlu dilakukan. Laluan menuju transformasi nasional tidak berakhir di sini - kita mesti terus bergerak dan kerajaan saya akan meneruskan inovasi. Usaha kita tidak terhenti setakat ini.